

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/1999

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENEMPATAN PESERTA RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH BLOK KETUA-KETUA JAJAHAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam sidanganya kali ke 22/98 pada 18hb. November 1998 di bawah perkara-perkara lain telah membuat keputusan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi tujuan memperaku kaedah menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pembangunan rancangan-rancangan tanah Blok Ketua Jajahan seluruh Negeri Kelantan.

2. Keanggotaan Jawatankuasa ini telah dipersetujui dilantik nama-nama berikut:-

Pengerusi	: Yang Berhormat Tuan Haji Omar b. Mohamed
Setiausaha	: Ketua-Ketua Jajahan Berkenaan
Ahli	: Pegawai Kewangan Negeri
	: Pengarah Tanah dan Galian Negeri
	: Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri

3. Sehubungan dengan itu Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan adalah di minta mengambil maklum dan tindakan yang berkenaan berikutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan di atas.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.
5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTG 3/92 dan Pekeliling 5/92.

t.t
(Md. Yusuf bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Kerajaan Tempatan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.
FAIL: PTG.KN.4485/(98)
BERTARIKH : 23 RAMADHAN 1419
13 JANUARI 1999**